

23hb.Jun,1977.

SURAT PEKELILING PERKIHDMATAN BIL. 11 TAHUN 1977

Pindaan Kepada Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 10 Tahun 1977

Syarat Kontrek di bawah tanggungaji bersih baharu

Saya diarah menarik perhatian kepada pelaksanaan tanggungaji bersih baharu kepada pegawai-pegawai kontrek menurut [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 10 Tahun 1977](#) (surat Jabatan ini JPA. SULIT. 81/7/10-3(9) bertarikh 28hb. Mei, 1977).

2. Perenggan 3 Surat Pekeliling Perkhidmatan tersebut hendaklah dipinda dengan digantikan oleh perenggan baharu seperti berikut:-

"3. Ganjaran dan pemberian cuti adalah seperti berikut:

(i) **Ganjaran:** 171/2% daripada gaji bersih baharu terakhir bagi tiap-tiap bulan genap perkhidmatan tetapi ditolak caruman bahagian Kerajaan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja serta faedah-faedah ke atasnya. (Kadar ganjaran sebanyak 171/2% boleh diberi bagi kontrek-kontrek untuk tarikh berkhidmat mulai dari 1. 1. 1976 atau tarikh selepas daripadanya mengikut mana yang terakhir, kepada:

(a) Pegawai Kontrek yang masih berkhidmat pada 1.7.1977;

(b) Pesara-pesara yang diambil semula berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan secara kontrek yang masih berkhidmat pada 1.7.1977.

Cuti: Kadar cuti hendaklah mengikut Lampiran 'D' kepada [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1977](#) dan [4 Tahun 1977](#) dengan syarat kontrek yang masih lagi berkuatkuasa boleh diubahsuai bagi baki tempoh perkhidmatan masing-masing mulai dari 1.7.1977.

Saya yang menurut perintah,

(AHMAD SALLEHUDIN BIN AHMAD
JALALUDIN)

Pengarah Bahagian Perjawatan,
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan
Awam,
Malaysia.

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.

Semua Y.B. Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri.

s.k. Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran.

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Perundangan.

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Polis.

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Keretapi.